



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (42)
Tarikh : 31 Disember 2020

KENYATAAN MEDIA

PERUTUSAN TAHUN BARU YB ZURAIDA KAMARUDDIN

PUTRAJAYA, 31 Disember 2020 - Alhamdulillah, tahun 2020 sudah melabuhkan tirainya dan tahun ini menyaksikan pelbagai perkembangan positif berlaku dalam negara meskipun kita dilanda Covid-19. Inilah masa untuk kita merenung kembali segala pencapaian, kejayaan serta cabaran yang telah dihadapi dan InshaAllah, semoga tahun 2021 melahirkan rakyat yang lebih matang dan berpandangan jauh.

Setinggi penghargaan buat semua agensi di bawah KPKT iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Jabatan Perumahan Negara (JPN), Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal (JPSPN), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Syarikat Perumahan Negara (SPNB), Perbadanan PRIMA, Jabatan Landskap Negara (JLN), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Urbanice Malaysia, Institut Latihan KPKT (I- KPKT) serta Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS). Semangat serta komitmen ditampikan seluruh warga KPKT sepanjang tahun ini telah berjaya mengangkat nama Kementerian di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga JBPM atas segala khidmat bakti dan pengorbanan yang dicurahkan demi keselamatan dan kesejahteraan rakyat Malaysia terutamanya ketika negara menghadapi Covid-19. Sehingga ini jabatan itu telah melaksanakan lebih 13,000 Operasi Sanitasi Awam di seluruh negara. Tugas yang digalas anggota bomba kini semakin mencabar dan mereka wajar diberikan penghargaan paling tinggi kerana sanggup meletakkan diri dalam pelbagai situasi bahaya demi menyelamatkan nyawa dan harta benda.

Ketika menghadapi Covid-19, kerajaan Perikatan Nasional yang dipimpin Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mewujudkan pakej-pakej rangsangan ekonomi melalui PRIHATIN dan pelan Jana Semula Ekonomi Negara atau secara ringkasnya PENJANA dengan tema "Bersama Menjana Ekonomi".

Di bawah PENJANA, Kerajaan telah mengenalpasti 3 teras utama iaitu pemerksaan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi, ia ditambah dengan jumlah keseluruhan Belanjawan Negara berjumlah RM322.54 bilion bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi serta kualiti kehidupan dan persekitaran tempat tinggal yang lebih baik melalui pelaksanaan program dalam bidang pendidikan, kesihatan, perumahan, pengangkutan dan kemudahan awam.

Menerusi Belanjawan 2021, KPKT memperolehi peruntukan terbesar berbanding tahun-tahun sebelum ini. Adalah menjadi hasrat saya supaya setiap warga Malaysia terutamanya golongan B40 dan M40 memiliki kediaman selesa dan mampu milik. Saya percaya kediaman selesa mampu menghindar isu sosial dan moral dikalangan anak-anak sekaligus menjadikan masyarakat lebih positif.

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan hasrat tersebut, atas semangat tahun baru 2021, marilah kita membina masyarakat yang membudayakan amalan baru dalam memelihara persekitaran untuk kemakmuran bersama. 'Kempen Berani Tegur' yang dilancarkan sebelum ini akan memberi galakan kepada rakyat Malaysia untuk berani menasihati dan menegur perilaku anggota masyarakat yang membuang sampah bukan dikawasan sepatutnya serta yang merosakkan harta awam.

Kita harus tunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia dan rakyatnya mempunyai sikap dan minda kelas pertama yang cintakan kebersihan. Usaha ini bertepatan dengan Dasar Kebersihan Negara untuk mewujudkan sebuah negara bersih, mampan dan sejahtera melalui pembudayaan amalan kebersihan diri, keluarga, komuniti dan masyarakat.

Selain itu, di peringkat KPKT, kami juga melaksanakan pelbagai inisiatif dalam memperkasa pembangunan mampan di bandar, di samping menerajui program perumahan, perkhidmatan perbandaran dan kebombaian serta penyelamatan dalam meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Melangkah ke hadapan, KPKT akan terus memberikan komitmen terbaik mencapai objektif perumahan untuk rakyat dan sasaran bagi meningkatkan keupayaan pembangunan supaya lebih mampan, pintar serta inklusif. Semoga tahun 2021 memberi lebih banyak kejayaan buat kita.

Selamat Tahun Baru!

YB Hajah Zuraida Kamaruddin
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
31 Disember 2020

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my